

# Payao Maskum UMS

## menunjukkan hasil

DE 15-02-2012 7

SEMPORNA: Usaha Majlis Kesukarelawan Universiti-Universiti Malaysia (Maskum) Universiti Malaysia Sabah membuat dan memasang dua buah payao (unjang ikan) di luar perairan Pulau Sipadan pada bulan-bulan November 2011 lalu telah mula membuah hasil apabila payao tersebut mula menjadi tumpuan ikan-ikan tuna bersaiz besar dan bernilai tinggi di pasaran.

Menurut Prof. Madya Dr. Ismail Ali yang bertindak sebagai Penyelaras Program Payao Maskum UMS di sini, program ini dirasmikan oleh Datuk Seri Nasir Tun Sakaran pada 7 November 2011 di Pulau Mabul dengan tujuan untuk meningkatkan jumlah tangkapan ikan tuna dan taraf sosio-ekonomi nelayan artisanal serta meningkatkan pengetahuan pengurusan perikanan tuna laut dalam secara mapan dalam kalangan nelayan artisanal di Semporna.

Menurutnya lagi, Maskum UMS diberi kepercayaan oleh Sekretariat Maskum IPTA untuk melaksanakan Program Modul Kelautan di Sabah sebagai tanda komitmen Maskum membantu usaha Kerajaan dan memastikan penangkapan ikan tuna dalam kalangan artisanal dijalankan secara mapan.

Melalui dana Maskum IPTA, Maskum UMS berjaya menghasilkan dua payao dan kini ditempatkan di luar perairan Pulau Sipadan pada kedalaman melebihi 1,000 meter, tambahnya lagi.

Ismail juga menyatakan bahawa Maskum UMS akan memantau program ini selama lima tahun bermula tahun ini sebelum diserahkan sepenuhnya kepada nelayan untuk menguruskannya.

Pada masa kini kos penyelenggaraan dan menaiktaraf payao ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh para nelayan dengan cara membayar kepada wakil yang dilantik bagi setiap kilo ikan tuna yang ditangkap oleh nelayan.

Berdasarkan kepada tinjauan dan pemeriksaan yang dijalankan baru-baru ini, didapati dua payao ini dikunjungi ikan-ikan tuna dan lain-lain spesies ikan laut dalam dan mula dituai hasilnya oleh para nelayan.

Dengan menggunakan kaedah pancing, nelayan mampu mendaratkan sekitar 150-300 kilogram ikan tuna dalam tempoh tiga hari berada di payao tersebut.

Menurut Ismail lagi, nelayan hanya dibenarkan menangkap ikan tuna di payao ini dengan menggunakan kaedah pancing untuk memastikan sumber ikan tuna ini dapat diuruskan dengan baik dan berkekalan untuk jangkamasa panjang.

Menurut Mubin Parajah yang bertindak sebagai wakil pemantau payao ini pula menyatakan bahawa sebelum ada payao ini, nelayan dari Pulau Mabul terpaksa menangkap ikan tuna di kawasan perairan berhampiran sempadan Filipina-Indonesia.

Namun menurutnya, sejak adanya payao tersebut nelayan di Semporna tidak lagi perlu menangkap ikan tuna sejauh itu dan banyak menjimatkan kos minyak dan keselamatan nelayan lebih terjamin.

Memandangkan program ini mula membuah hasil dan mencapai matlamatnya, Maskum UMS akan menambah dua payao lagi dalam tempoh terdekat dan akan diperluas ke seluruh Sabah secara berperingkat.

Untuk melestarikan lagi program ini, Ismail menyarankan agar Kerajaan Sabah memberi perhatian akan keupayaan kaedah payao ini dalam mempertingkatkan jumlah tangkapan ikan selain meneruskan usaha pemasangan tukan tiruan yang telah dilaksanakan sebelum ini.